

05/09/2003

Ekonomi kukuh sebab tidak ikut Anwar

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Dunia Barat dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) harus membuka mata kepada Malaysia dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berjaya merangka formula bagi mengekang bencana ekonomi Malaysia ketika krisis kewangan serantau pada 1997/98.

Presiden Pergerakan Keadilan Sedunia (Just), Dr Chandra Muzaffar, berkata rakyat bersyukur kerana tidak terikut dengan kehendak bekas Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang lebih cenderung untuk menurut nasihat IMF ketika itu.

"Anwar ikut nasihat IMF mungkin kerana ada agenda politik atau beliau jahil mengenai ekonomi. Alhamdulillah, kita bernasib baik kerana Dr Mahathir menyelamatkan kita.

"Formula tidak ortodok Dr Mahathir sebenarnya memanfaatkan rakyat. Apa yang dilakukan IMF selama ini lebih menguntungkan spekulator mata wang dan pendekatannya berdasarkan sistem kapitalis barat yang diterajui Amerika Syarikat," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Pengarah urusan IMF, Dr Horst Kohler kelmarin yang memberi penghargaan kepada kepimpinan Perdana Menteri kerana menjana pertumbuhan ekonomi seiring dengan matlamat kesaksamaan sosial.

Kohler juga memuji Dr Mahathir kerana mengambil keputusan betul untuk melaksanakan kawalan modal pada 1998 dan penetapan ringgit berbanding dolar Amerika pada RM3.80 untuk melindungi mata wang itu dan ekonomi, yang pada masa itu dianggap langkah kontroversi.

Dr Chandra berkata, JUST adalah antara segelintir pertubuhan yang mengalu-alukan tindakan Dr Mahathir mengenalkan kawalan modal pada 1998 kerana yakin itu adalah satu-satunya langkah bagi menyelamatkan negara.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Azam Abdul Rahman, pula berkata ternyata IMF yang pernah mengkritik Malaysia, kini mengiktiraf apa yang Malaysia dan Dr Mahathir lakukan walaupun sebelum ini dianggap sebagai tindakan bertentangan dengan amalan biasa dalam ekonomi.

Katanya, terbukti beberapa negara penerima bantuan IMF termasuk Indonesia tidak membangun setelah teruk dilanda krisis kewangan tetapi Malaysia berjaya membebaskan diri daripada belenggu kegawatan itu.

"Saya tidak mahu kata Anwar atau Dr Mahathir yang betul kerana persoalan isu ini tidak membantu menyelesaikan masalah Melayu. Apa yang boleh saya katakan ialah tindakan Dr Mahathir (menolak bantuan IMF) adalah betul. Itu kita iktiraf," katanya.

Ahli Exco Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Dr Zambry Abdul Kader, pula berkata IMF terpaksa menghadapi dunia realiti baru kerana selama ini apa yang dilakukannya adalah berdasarkan teori semata-mata.

Katanya, IMF gagal untuk melihat keadaan sebenar di sesebuah negara yang dihimpit masalah dan kemiskinan apabila memberi nasihat serta bantuan kerana tindakannya lebih cenderung kepada kehendak `tuan', bukan `hamba'.

"Hari ini terbukti pendekatan IMF itu gagal, sebaliknya banyak negara lain mula menggunakan pendekatan Malaysia. Mujurlah pemimpin kita berani menggunakan pendekatan sendiri untuk memulih ekonomi," katanya.